

20/11/2003

Dr Alijah Gordon meninggal

KUALA LUMPUR: Allahyarham Datuk Dr Alijah Gordon, 74, (gambar) yang meninggal dunia malam kelmarin akibat radang paru-paru, selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Lembah Keramat, kira-kira jam 2.30 petang semalam.

Allahyarham, aktivis sosial, pejuang hak asasi kemanusiaan Palestin dan penulis, yang dimasukkan ke Hospital Gleneagles, Ampang sejak enam minggu lalu, meninggal dunia kira-kira 11.30 malam kelmarin.

Antara yang menziarahi jenazah Allahyarham, Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Tan Sri Zaleha Ismail, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman dan Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), SM Mohd Idris.

Allahyarham tidak mempunyai cahaya mata hasil dua perkahwinannya sebelum ini.

Dr Alijah yang juga Pengerusi Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia (MSRI), mula terbabit dalam isu Palestin pada 1952 ketika menuntut di Fakulti Undang-undang Awam dan Kerajaan, Universiti Columbia.

Allahyarham yang dilahirkan di New Jersey, Amerika Syarikat pada 1929, turut menterjemah buku 'Palestinians Speak' atau Rakyat Palestin Bersuara mengenai penderitaan kehidupan rakyat Palestin yang diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain itu, beliau menulis buku 'In the Time of the Mishmish' dan 'The Propagation of Islam in the Indonesian-Malay Archipelago' yang dilancarkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.